



Nestlé Good food, Good life

Siaran Akhbar

Petaling Jaya, 1 Disember 2023

MILO Memperkasakan Belia Orang Asli Melalui Sukan *Memupuk Bakat Melalui Pembangunan Sukan Akar Umbi*

PETALING JAYA, 1 DISEMBER 2023 – Bagi memperkukuh komitmen dengan meluaskan inisiatif sukan ke luar kawasan bandar, MILO terus berdedikasi untuk memupuk pembangunan sukan akar umbi di kalangan rakyat Malaysia dan memastikan setiap kanak-kanak di Malaysia dimasukkan dan digalakkan untuk menyertai sukan. Dengan kerjasama Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), MILO telah menjadi penaung Kejohanan Sukan Sekolah Murid Orang Asli (KSSMOA) 2023 baru-baru ini untuk memperkasa pelajar-pelajar sekolah menerusi sukan.

Diadakan selama dua hari di sekolah-sekolah di Shah Alam, Puchong dan Subang Jaya, KSSMOA 2023 menghimpunkan lebih daripada 422 pelajar Orang Asli dari tujuh negeri, untuk menyertai pelbagai acara sukan seperti Bola Sepak, Sepak Takraw, Bola Baling dan Olahraga. Pertandingan yang disertai oleh pelajar-pelajar dengan penuh bersemangat ini bukan sahaja menekankan nilai-nilai sukan, tetapi juga menyediakan platform untuk anak-anak muda menyerlahkan kemahiran dan membina kerjasama berpasukan. Menambah sentuhan nostalgia kepada acara tersebut, trak MILO yang ikonik juga mengagihkan minuman MILO yang bertenaga dalam cawan secara percuma untuk para peserta, mewujudkan suasana ceria dan mengeratkan lagi hubungan kemasyarakatan.

Kerwin Lim, Pengurus Pemasaran Sukan MILO, Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, "Kami berbesar hati dapat berganding bahu dengan KPM untuk menjayakan inisiatif ini, yang mencerminkan komitmen teguh MILO untuk menggunakan sukan sebagai saluran untuk memupuk nilai-nilai hidup yang penting dalam kalangan anak-anak muda. Menerusi KSSMOA 2023, kami amat yakin bahawa sukan mampu membawa perubahan bermakna sambil mencipta kesan positif dalam kalangan belia Orang Asli. Berbekalkan pengalaman luas kami dalam menggalakkan pembangunan sukan di peringkat akar umbi di Malaysia, hasil yang kami lihat selama ini telah mengukuhkan keyakinan kami bahawa sukan ibarat guru yang memainkan peranan penting dalam membentuk watak dan peribadi dengan menyemai nilai-nilai positif seperti kegigihan, kepimpinan dan kerjasama sepasukan, yang semuanya menyokong perkembangan keseluruhan dan memupuk sifat serba boleh dalam kalangan kanak-kanak."

MILO telah memainkan peranan penting dalam memupuk budaya sukan di kalangan rakyat Malaysia dan menjadi sebuah jenama yang komited terhadap keterangkuman dalam kalangan komuniti. Selama lebih daripada 70 tahun, MILO telah memainkan peranan penting untuk memupuk bakat-bakat muda dalam arena sukan Malaysia. Komitmen berterusan ini mencerminkan keyakinan MILO bahawa sukan adalah guru hebat yang mengajar dan memupuk nilai-nilai hidup. Semangat kesukanan terpuji yang ditunjukkan oleh pelajar-pelajar dalam kejohanan yang berlangsung menggambarkan falsafah teras yang dipegang MILO iaitu "Take on Sports Today, Take on Life Tomorrow" atau "*Hari Ini Gigih Bersukan, Hari Esok Kuasai Kehidupan*".

"Kami percaya ada banyak lagi yang perlu dicapai, dan MILO akan terus berada di hadapan untuk menyokong inisiatif komuniti tempatan seperti KSSMOA. Matlamat mutlak kami ialah untuk terus memperkasakan ibu bapa dan pelajar dengan ilmu dan kefahaman bahawa gaya hidup seimbang, yang meliputi dunia

akademik dan aktiviti luar bilik darjah, menjadi kunci untuk menyerlahkan sepenuhnya potensi mereka,” rumus Kerwin Lim.

Untuk maklumat lanjut mengenai inisiatif MILO dalam pembangunan sukan di peringkat akar umbi dan penglibatan masyarakat, sila layari www.milo.com.my.

###

Mengenai MILO®

MILO® ialah minuman malt coklat berkhasiat yang terkenal di Malaysia yang digemari kerana kehebatan rasanya yang tersendiri. Dipenuhi dengan khasiat kebaikan barli malt, susu dan koko dengan adunan unit 6 vitamin dan 3 mineral, MILO® telah membekalkan tenaga kepada juara sejak turun-temurun, memberikan dorongan untuk mereka terus melangkah lebih jauh. Selama lebih 70 tahun, MILO® telah melangkah maju seiring Malaysia dan memainkan peranan penting dalam usaha membina warisan sukan negara, menyediakan pemakanan dan juga platform kepada para atlet untuk mencapai kejayaan dan meningkat naik menerusi pelbagai program sukan akar umbi MILO®.

Mengenai Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 negara di seluruh dunia, dan seramai lebih 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, yang berusaha memanfaatkan kelebihan makanan untuk meningkatkan kualiti kehidupan untuk semua insan, masa kini dan untuk generasi masa depan. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Menjana khasiat rakyat Malaysia sejak 1912, Nestlé telah meraih kepercayaan para pengguna kami menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi. Kami juga komited untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan masyarakat di mana kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/NestleMalaysia>.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Shaheen Zaffar

Nestlé (Malaysia) Berhad
Tel: (+603) 7965 6456
+6012 235 6865
E-mel: shaheen.mohamedzaffar@my.Nestlé.com

Deepa Mukundan atau Yasmin Kadir

acorn communications
Tel: (+603) 7958 8348
+6010 426 5857 (Deepa) atau
+6017 237 9048 (Yasmin)
E-mel: acorncommunications@acornco.com.my